



BULETIN KENYALANG VET



**DVS SARAWAK
INGIN MENGEKALKAN**
*Foot & Mouth Disease
(FMD) Free Status*



**Program Pemantauan
Penyakit African Swine
Fever (ASF)**
MASIH GIAT DIJALANKAN



ORANG AWAM HARUS
PEKA DAN WASPADA
Wabak **RABIES** Di
Sarawak!



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang dapat diterbitkan semula atau digunakan dalam bentuk apa pun dengan cara apa sekalipun, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau oleh sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat, tanpa izin secara bertulis daripada JPVS.

2023 | HAK CIPTA JPVS.

KANDUNGAN

PESANAN YB MENTERI M-FICORD	01
PESANAN SETIAUSAHA TETAP M-FICORD	03
PESANAN PENGARAH DVS SARAWAK	05
TEMUBUAL BERSAMA FIGURA BERJASA	07
APA ITU PENYAKIT BRUCELLA?	11
JANGKITAN SALMONELLA	13
FAHAMI <i>LUMPY SKIN DISEASE</i> (LSD)	15
FOOT & MOUTH DISEASE (FMD)	17
AFRICAN SWINE FEVER (ASF)	19
JANGAN LUPAKAN RABIES!	21
FAHAMI AVIAN INFLUENZA (AI)	23
PENYAKIT PADA KUDA	25
PERMANIAN BERADAS	27
GALLERI	28
SIDANG EDITORIAL	45
SEKALUNG BUDI	47



PESANAN
YANG BERHORMAT
DATO SRI DR. STEPHEN RUNDI ANAK UTOM
MENTERI INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN
PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK

VISION

*An Advanced Agriculture
Sector and Rural Economy By
2030.*

MISSION

*Transforming and Sustaining
The Agriculture and Rural
Economy Through
Modernization and
Commercialization.*



Salam Sarawak Maju Makmur,


Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua ahli Jawatankuasa Buletin Kenyalang VET di atas usaha, dorongan dan komitmen semua di atas kewujudan Buletin Edisi kali ini. Peranan yang dimainkan oleh semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buletin ini adalah amat dihargai.

Terhasilnya buletin ini antaranya bertujuan juga meningkatkan kefahaman akan tugas dan tanggungjawab DVS Sarawak. Saya amat yakin dan percaya Buletin ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang asas terhadap tanggungjawab DVS Sarawak dengan harapan meningkatkan kualiti hidup mereka tidak mengira dari golongan yang tidak berkemampuan mahupun golongan yang mempunyai sedikit kelebihan.

Sehubungan itu, saya mengharapkan buletin ini dapat memberi banyak faedah bukan sahaja kepada kepada penjawat-penjawat awam di Sarawak, malah kepada mahasiswa-mahasiswi, pelajar-pelajar sekolah serta masyarakat tempatan. Harapan saya agar tuan dan puan mengambil peluang di atas usaha DVS Sarawak dengan membantu anda dalam program-program yang mereka lakukan untuk masyarakat di Sarawak.

Akhir kata, saya mengharapkan kami dapat melakukan yang terbaik dan akan menjadi contoh kepada agensi-agensi yang lain, di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Terima kasih.



YANG BERHORMAT
DATO SRI DR. STEPHEN RUNDI ANAK UTOM

PESANAN
YANG BERUSAHA TUAN SIRAI DAHA
SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN
PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK



M-FICORD is the ministry responsible in spearheading the development of agriculture and rural communities in Sarawak. The Ministry's Permanent Secretary, Sirai Doha, M-FICORD aims to transform and sustain the agriculture and rural economy through modernisation and commercialization and target Sarawak to be the Net Exporter of Food by 2030.

Salam Sarawakku Sayang,

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan limpah rahmat-Nya, telah berjaya diterbitkan hasil Buletin Kenyalang VET Edisi 2023. Setiap keluaran Buletin Kenyalang VET menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung sama ada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, sukan, pencapaian dan khidmat masyarakat.

Buletin ini ialah wadah penghubung antara DVS Sarawak dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan DVS Sarawak melaksanakan amanah mengemudi kejayaan anak bangsa Sarawak pada masa hadapan. Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

Buletin Kenyalang VET telah diterbitkan secara digital dalam format buku elektronik sejak tahun 2021 untuk edisi yang pertama. Kini Buletin Kenyalang VET telah diterbitkan dalam format digital dan menjadikan akses pembaca kini lebih pantas.

Buletin Kenyalang VET dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada bercetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu.

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi Buletin Kenyalang VET serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan edisi kali ini. Semoga jasa baik tuan dan puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Terima Kasih.



**YANG BERUSAHA
TUAN SIRAI DABA**



PESANAN
YANG BERBAHAGIA
DATU DR. ADRIAN SUSIN AMBUD
PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

VISI

Industri Penternakan Maju
Menjelang 2030.

*An Advanced Livestock Industry
By 2030.*

MISI

Mengubah Industri Ternakan
Kearah Industri Yang Berdaya
Saing Dan Mampan.

*Transforming The Livestock
Industry Into A Competitive And
Sustainable Industry.*



Salam Warga Veterinar,

Syabas dan tahniah diucapkan kepada sidang editorial Buku BULETIN KENYALANG VET Edisi 2023 kerana telah berjaya menerbitkannya. Berpaksakan aspirasi kerajaan untuk mencapai *Net Exporter of Food by 2030*, banyak projek dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun.

Usaha akan diteruskan untuk meningkatkan keupayaan jabatan dan usahawan bagi membangunkan industri ternakan untuk meningkatkan tahap sara-diri (SSL) hasilan ternakan terutamanya ruminan dari 12% kepada 25 % pada tahun 2030 dan seterusnya 50% menjelang tahun 2050. Sarawak perlu mempunyai populasi 60,000 ekor lembu dan 20,000 ekor kerbau untuk mencapai sasaran tersebut pada tahun 2030.

Aktiviti pembenterasan rabies akan berterusan untuk mencapai sasaran bebas rabies menjelang 2025. Manakala penyakit *African Swine Fever (ASF)* perlu dihapuskan dari Sarawak demi industri ternakan yang mampan. Usaha akan dipertingkatkan lagi bagi aktiviti pemantauan, persampelan dan kesedaran penternak agar Sarawak terus kekal bebas *penyakit Foot and Mouth Disease (FMD)*.

Usaha dan aktiviti jabatan ini akan menjurus kepada peningkatan nilai pengeluaran industri ternakan kepada RM4.0 bilion menjelang tahun 2030. Oleh yang demikian, saya menyeru agar WARGA VETERINAR akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik demi pembangunan ternakan Sarawak. Para penternak pula perlu menggunakan teknologi terkini dalam pengurusan ternakan seperti IoT, *Modern Pig farm (MPF)*, *precision livestock farming* serta meningkatkan biosekuriti ladang demi kesihatan haiwan dan pencegahan penyakit .

Sekian, terima kasih.



YANG BERTABAHAGIA
DATIN DR. ADRIAN SISIN AMBUD

Jasamu Tetap Dikenang



TEMUBUAL BERSAMA
FIGURA BERJASA
Dr. Stephen Gabriel

S : BOLEH DR. KONGSIKAN SEDIKIT SEJARAH PERKHIDMATAN ANDA DI JABATAN INI SEHINGGA SEKARANG?

J : Saya memulakan kerjaya dalam perkhidmatan Awam Negeri Sarawak pada 13 September 1980 sebagai Pegawai Veterinar di Cawangan Veterinar Jabatan Pertanian dan bersara pada 1 Oktober 2014. Dalam tempoh tersebut saya berkhidmat sebagai Pegawai Veterinar (Pembangunan) di Ibu Pejabat dan sebagai Pegawai Veterinar Bahagian [DVO] Bahagian Pertama dan Kedua (kini Bahagian Kuching dan Sri Aman), DVO Bahagian Miri, DVO Bahagian Bintulu, dan pada tahun 1993 kembali ke Bahagian Kuching dan akhirnya kembali ke Ibu Pejabat. Mulai Januari 2014, saya mengetuai Bahagian Veterinar dan pada masa yang sama menjadi Pihak Berkuasa Veterinar Negeri sehingga 31 Disember 2016. Selepas bersara, perkhidmatan saya di Jabatan Pertanian ketika itu dan kemudiannya di Jabatan Perkhidmatan Veterinar disambung secara kontrak setahun ke tahun. Kontrak terakhir saya tamat pada 31 Disember 2022.

S : APAKAH ANTARA CABARAN YANG DIHADAPI SEPANJANG PERKHIDMATAN?

J: Semasa Bahagian Veterinar berada di Jabatan Pertanian, saya merasakan Bahagian Veterinar tidak dapat berfungsi sepenuhnya dan kepentingan perkhidmatan dan tanggungjawabnya sukar dilaksanakan seperti mana selepas Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak ditubuhkan seiring dengan tanggungjawab perkhidmatan yang dinyatakan dalam Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Jabatan Veterinar sepatutnya ditubuhkan sejurus selepas Akta Pakar Bedah Veterinar 1974 diluluskan di Parlimen .

S : APAKAH PRINSIP HIDUP DR.?

J : Cukuplah redha dengan apa yang ada. Layan semua orang sama rata dan hormat, tidak kira apa pangkat atau status mereka dalam masyarakat. Berikan bantuan apabila anda boleh dan sedaya mampu anda.

S : APAKAH YANG MENDORONG DR. UNTUK BERKHIDMAT DENGAN DEDIKASI DALAM MENJALANKAN TUGAS ANDA?

J : Segala usaha dan perkhidmatan kami mesti diarahkan bagi memastikan semua haiwan ada makanan. Manakala, haiwan yang dikategorikan sebagai peneman atau untuk tujuan rekreasi haruslah dilayan dan diberi makan dengan baik. Sebagai Doktor haiwan, kami juga merupakan penjaga kesihatan manusia dan amat menggembirakan apabila mengetahui bahawa bagi kebanyakan penyakit baharu dan yang muncul semula, langkah kawalan adalah di bawah konsep One Health.

Sentiasa ingat bahawa sains Veterinar atau perubatan doktor haiwan adalah profesion yang mulia dan komuniti yang anda diami sangat menghormati kerjaya ini. Sekiranya seseorang berada dalam amalan veterinar, jangan dikenakan caj yang berlebihan kepada pelanggan anda tetapi mengikut undang-undang yang sedia ada serta mematuhiinya.

S : PADA PENDAPAT DR APAKAH RAHSIA KEJAYAAN SEBAGAI PEMIMPIN YANG CEMERLANG DAN PROFESIONAL?

J : Sebagai seorang profesional, seseorang harus melaksanakan tugasnya secara profesional. Apabila berhadapan dengan masalah atau isu dalam organisasi atau di luar organisasi, sebagai seorang pemimpin harus mendengar kedua-dua belah cerita/hujah dan menyelesaikan masalah dengan penyelesaian yang menyenangkan semua pihak. Sentiasa membuat susulan terhadap isu yang dihadapi dalam kerjaya dan mendapatkan maklum balas serta menerima pendapat orang sekeliling kita yang berpengetahuan tentang perkara yang kita alami.

S : DR., ADA SEBARANG KATA-KATA ATAU PESANAN YANG BERGUNA UNTUK JABATAN DAN KAMI YANG MASIH DI JPVS INI?

J : Adalah penting bagi pihak pengurusan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dengan integriti yang tinggi. Kakitangan boleh bermotivasi untuk melakukan yang lebih baik jika laluan kemajuan kerjaya mereka boleh direalisasikan dalam tempoh yang munasabah. Perkhidmatan veterinar harus dipacu oleh budaya kecemerlangan yang merangkumi enam nilai bersama, maka penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan kita menjadi jelas dan dihargai oleh pelanggan yang datang.

*Ambilkan DVS buah delima,
Masak sebiji di balik daun,
Budi tuan tidak terkira,
Jadi kenangan bertahun-tahun.*

*Sayang muara tidak berbukit,
Pasir Putih di Pulau Satang,
Budimu tuan bukan sedikit,
Dari dahulu sampai sekarang.*



APA ITU PENYAKIT BRUCELLA?

PENGENALAN PENYAKIT *BRUCELLA*

Brucella pada lembu dan kerbau merupakan penyakit berjangkit yang mudah merebak dan zoonotik. Ianya bukan sahaja menjangkiti ternakan, malah boleh menjangkiti manusia yang boleh menyebabkan kemandulan, demam berulang-ulang, orkitis pada lelaki dan menyebabkan keguguran pada wanita hamil.

PUNCA JANGKITAN

Brucellosis adalah penyakit yang disebabkan oleh jangkitan bakteria:

- *Brucella abortus* menjangkiti lembu dan kerbau;
- *Brucella melitensis* menjangkiti kambing dan bebiri;
- *Brucella suis* menjangkiti babi.

CARA JANGKITAN

Brucellosis boleh berjangkit daripada haiwan kepada manusia melalui makanan tercemar dengan bakteria *Brucella* seperti: -

- Meminum susu mentah atau tidak dipasteur;
- Sentuhan terus dengan haiwan terjangkit (melalui luka) dan melalui udara yang tercemar.

INDIVIDU YANG BERISIKO

- Staf Pejabat Perkhidmatan Veterinar;
- Pembantu kesihatan awam;
- Pekerja rumah sembelih;
- Pengendali ternakan dan penternak;
- Pengguna yang memakan daging yang dimasak tidak sempurna serta meminum susu yang tidak dipasteur.

TANDA KLINIKAL PADA MANUSIA

- Jangkitan kuman pada saluran darah (*septicaemia*);
- Hilang/kurang selera makan;
- Sakit kepala;
- Menggigil;
- Berpeluh;
- Hilang berat badan sakit sendi, sakit otot, sakit belakang;
- *Orchitis* (keradangan pada salur pembiakan lelaki).

DIAGNOSIS PENYAKIT

Lembu/kerbau (umur 4 bulan ke atas) dan kambing/bebiri (umur 6 bulan ke atas) boleh diuji di lapangan dengan menggunakan *Rose Bengal Plate Test* (RBPT).



LANGKAH KAWALAN PENYAKIT BRUCELLA

KAWALAN PADA MANUSIA

Memakai pakaian keselamatan seperti sarung tangan, kasut, boot dan baju kerja yang sesuai (coverall) semasa bekerja/mengendalikan haiwan; Makan daging dan minum susu yang dimasak sempurna; dan Membasuh tangan dengan sabun (pembasmi kuman) selepas mengendalikan haiwan.

KAWALAN PADA HAIWAN

Membuat pemvaksinan RB51 pada ternakan lembu dan kerbau berumur 4 bulan dan ke atas; Melaporkan kepada jabatan sekiranya ternakan menunjukkan tanda-tanda klinikal; Memastikan ternakan telah diuji dan disahkan negatif Brusellosis sebelum memasuki ladang; Membeli ternakan dari gerompok yang negatif dan mempunyai rekod vaksinasi;

Mengasingkan ternakan selama 14 hari (kuarantin) apabila dibawa masuk ke dalam ladang; Menggunakan disinfektan untuk mencuci kandang; Mengamalkan biosekuriti ladang untuk mencegah penyakit daripada merebak seperti mewujudkan pagar perimeter ladang, membuat pemeriksaan kesihatan, menjaga kebersihan ladang dan mengawal pergerakan keluar masuk ternakan, pekerja dan pelawat.

ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999

Dibawah Seksyen 30 VPHO (1999), Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan penyakit brucella kepada State Veterinary Authority boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM500.

Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan brucella boleh didenda tidak melebihi RM1000.


Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada State Veterinary Authority dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500

JANGKITAN SALMONELLA

Salmonellosis unggas atau dikenali sebagai *Fowl Typhoid* disebabkan oleh bakteria *Salmonella spp.* Terdapat empat *Salmonella spp.* yang penting dalam unggas iaitu :-

- *Salmonella pullorum*
- *Salmonella gallinarum*
- *Salmonella typhimurium*
- *Salmonella enteritidis*

Kajian epidemiologi menunjukkan bahawa jangkitan ini adalah dari makanan hasil ternakan terutamanya daging ayam, telur dan produk hasilan daging ayam/telur yang tercemar dengan bakteria ini.



ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999

Dibawah Seksyen 30 VPHO (1999), Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan *Salmonella* kepada *State Veterinary Authority* boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM500. Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan *Salmonella* boleh didenda tidak melebihi RM1000. Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada *State Veterinary Authority* dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500.

KAWALAN DI LADANG PEMBIAK, PENELUR, PEMBAKA DAN HATCHERI

A. LANGKAH BIOSEKURITI

- Satu jurusan anak ayam sahaja dipelihara;
- Sumber anak ayam dari ladang bebas salmonellosis;
- Ladang mesti dipagar;
- Semburan basmi kuman untuk kenderaan dan pekerja ladang /pelawat;
- Pencelup kaki pada setiap pintu masuk.

B. KAWALAN RODENSIA

- Program pengawalan tikus menggunakan racun atau perangkap.

C. KAWALAN BURUNG LIAR

- Reban ditutup dengan jaring.

D. KAWALAN PENYAKIT BAWAAN MAKANAN

- Makanan yang telah diproses pada suhu tinggi; Pemantauan mikrobiologi pada makanan.

TANDA-TANDA KLINIKAL PADA MANUSIA

- Cirit-birit;
- Muntah;
- Kekejangan badan;
- Pada peringkat yang teruk, boleh menyebabkan kematian.

PENCEGAHAN

- Vaksinasi mengikut jadual;
- Mengekalkan kebersihan ladang pada tahap optimum;
- Menjalankan fumigasi pada telur;
- Elakkan makan daging ayam/ telur mentah;
- Mengekalkan suhu untuk penyimpanan daging ayam;
- Basuh tangan sebelum dan selepas mengendalikan makanan.

PUNCA JANGKITAN

- Jangkitan dari induk;
- Jangkitan dari tempat penetasan;
- Persekitaran reban yang tercemar;
- Bakteria disebarkan oleh tikus yang berkeliaran dalam reban atau melalui pekerja ladang;
- Kekurangan makanan/air dan persekitaran reban yang menyebabkan ayam stres.

TANDA-TANDA KLINIKAL PADA HAIWAN

- Bulu kusut;
- Mata tertutup;
- Cirit-birit;
- Kurang selera makan;
- Kematian pada anak ayam.



LUMPY SKIN DISEASE

APAKAH ITU LSD?

- Penyakit LSD atau dikenali sebagai penyakit kulit kental adalah penyakit yang disebabkan oleh Virus *Poxviridae* yang menjangkiti ternakan lembu/kerbau.
- Tempoh inkubasi LSD adalah 28 hari tetapi lembu yang dijangkiti dapat menunjukkan tanda-tanda klinikal seawal 6-9 hari.
- Ini sangat mempengaruhi kesihatan dan kesejahteraan haiwan dan boleh mengakibatkan kerugian ekonomi yang teruk di ladang yang terjejas.
- LSD baru-baru ini merebak di rantau Asia, ini akan menimbulkan ancaman kepada negara kita.

BAGAIMANA HAIWAN DIJANGKITI?

- Pembawa seperti vektor arthropoda (serangga) yang bergantung dengan pemakanan utama seperti darah iaitu nyamuk, lalat dan kutu.
- Dengan membawa masuk lembu yang dijangkiti dari kawasan yang terjejas ke dalam ladang.



BAGAIMANA ANDA MENGESYAKI LSD?

TANDA-TANDA AWAL:

- i. Urat pada mata dan hidung - biasanya diperhatikan terlebih dahulu.
- ii. Penurunan hasil susu pada lembu yang menyusu.
- iii. Demam tinggi yang boleh melebihi 41 ° C atau 106 ° F.
- iv. Kelenjar-kelenjar pada bahagian tubuh haiwan sudah mula membengkak dan benjolan mula membesar (mudah diraba).

MULA WUJUD LUKA PADA BENJOLAN KULIT YANG SANGAT JELAS DENGAN DIAMETER 2-5 CM:

- i. Nodul atau benjolan terbentuk di bahagian kepala, leher, anggota badan, pundi kencing, dan bahagian kemaluan ketara dalam tempoh 48 jam terkena jangkitan.
- ii. Luka pada kulit dapat dikenalpasti sama ada luka ringan ataupun luka yang meliputi seluruh tubuh badan haiwan yang terjejas.

APAKAH YANG ANDA PERLU LAKUKAN?

Hubungi Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang berhampiran dengan anda.

- Mencegah penyebaran penyakit selanjutnya dengan meminta pemilik / penjaga haiwan untuk:
 - i. Asingkan haiwan yang disyaki daripada kawanan yang lain.
 - ii. Asingkan haiwan terjejas dari kawanan kumpulan dan elakkan meragut secara berkumpulan.
 - iii. Hentikan pergerakan lembu dari / ke ladang.
 - iv. Hadkan pengunjung masuk ke ladang kecuali perkhidmatan penting.
- Lakukan pemeriksaan klinikal pada haiwan yang lain, untuk mengenal pasti penyakit pada peringkat awal.
- Memberikan rawatan sokongan kepada haiwan yang disyaki dijangkiti LSD untuk mengurangkan demam, mengekalkan hidrasi dan mencegah jangkitan bakteria sekunder.
- Vaksin wujud untuk melindungi lembu. Hubungi Perkhidmatan Veterinar untuk maklumat lebih lanjut mengenai vaksin.

FAHAMI PENYAKIT: FOOT AND MOUTH DISEASE (FMD) (PENYAKIT KUKU DAN MULUT)

CARA-CARA JANGKITAN PENYAKIT FMD



Penyakit FMD disebabkan oleh Aphthovirus yang mudah merebak dan menjangkiti haiwan kuku berbelah (cloven-hooved) seperti lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa dan babi. Jangkitan FMD terhadap haiwan ternakan memberi impak yang sangat besar khususnya kepada penternak-penternak haiwan dan mengakibatkan kerugian ekonomi yang serius. Pada tahun 2004, Sarawak diisytiharkan sebagai ZON BEBAS PENYAKIT FMD TANPA VAKSINASI oleh OIE.

CARA-CARA JANGKITAN

Air liur, air kencing, najis, susu dan darah daripada haiwan yang terjangkit. Bawaan virus oleh manusia, kenderaan, pakaian, kasut dan bawaan angin serta aerosol.

TANDA-TANDA DAN DIAGNOSIS PENYAKIT FMD



- Suhu badan meningkat.
- Air liur meleleh, lepuh atau ulser pada permukaan lidah, gusi, bibir, mulut dan puting susu.
- Lepuh, ulser dan luka dicelah kuku.
- Tempang.
- Hilang selera makan.
- Berat badan akan menurun.
- Pengeluaran susu berkurangan.
- Kematian anak baru lahir.

Kes FMD merupakan jangkitan virus terhadap haiwan ternakan dengan tempoh inkubasi selama 14 hari. Ujian pengesanan di makmal dengan pengambilan serum dan pengambilan sampel cecair dalam vesikel, lapisan mukosa bibir, lidah serta gusi.

JENIS TERNAKAN YANG BOLEH DIJANGKITI

LEMBU

RUSA

KERBAU

BABI

BEBIRI

KAMBING

LANGKAH-LANGKAH KAWALAN

Laporkan dengan segera kepada Pejabat Veterinar yang terdekat sekiranya haiwan ternakan anda disyaki terkena jangkitan *FMD*.

Dilarang masuk ke kawasan ladang ternakan dalam tempoh satu minggu selepas melawat ladang ternakan dari Semenanjung Malaysia atau negara - negara yang disahkan mempunyai *FMD*.

Pelawat dari luar terutamanya daripada negara yang disyaki ada jangkitan *FMD* dilarang membawa masuk barang - barang peribadi seperti baju atau kasut yang disyaki telah tercemar.

Membawa masuk daging atau susu segar dari Semenanjung Malaysia dan luar negara adalah dilarang sama sekali.

Haiwan ternakan yang baru dibeli hendaklah dikuarantin dalam tempoh sekurang - kurangnya satu minggu.

Pastikan sumber makanan dan input ternakan yang dibeli adalah daripada sumber yang telah disahkan bebas *FMD*.

Kawalan biosekuriti di dalam kawasan ladang dan persekitarannya haruslah diperketatkan dalam mengawal pergerakan keluar masuk pekerja dan pelawat ladang.

Haiwan ternakan yang disyaki menghidap sebarang jenis jangkitan penyakit hendaklah diasingkan dan ditandakan untuk tujuan surveilan dan pemantauan penyakit *FMD*.



ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999

Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan penyakit *FMD* kepada *State Veterinary Authority (SVA)* boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM 500.

Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan *FMD* boleh didenda tidak melebihi RM 1000.

Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada *State Veterinary Authority (SVA)* dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500.

FAHAMI PENYAKIT: AFRICAN SWINE FEVER (ASF) (PENYAKIT DEMAM BABI AFRIKA)

APAKAH ASF?

Penyakit *African Swine Fever* (ASF) adalah penyakit tular daripada babi dan babi hutan yang boleh dianggap berbahaya kerana tiada vaksin dan penawar. ASF tidak menjangkiti manusia tetapi boleh membawa kerugian besar kepada penternak - penternak babi dan sosio - ekonomi negara.

ASF tular dari babi domestik dan babi liar. Virus ASF mempunyai rintangan kuat di kawasan persekitaran dan boleh mencemar bahan berasaskan babi. Kecuaian boleh menyebabkan virus ASF ini mencemarkan rantaian makanan babi seperti pemberian sisa makanan manusia kepada ternakan.



PENCEGAHAN ASF

Jauhkan diri, sentiasa berwaspada serta menjaga jarak anda daripada haiwan atau alatan tercemar seperti berikut :

- Pastikan pagar sentiasa dikunci, kekalkan persekitaran pagar yang kukuh dan stor simpanan makanan atau minuman selamat daripada dicerobohi babi hutan.
- Kawalan ketat pergerakan pekerja dan pelawat keluar dan masuk ladang.
- Kawal selia kemasukan babi dengan melaksanakan kuarantin haiwan.
- Dilarang memberi sisa makanan yang tidak dimasak kepada ternakan.

LANGKAH BERJAGA-JAGA

- Laporkan sebarang kes yang mencurigakan (hidup atau mati) kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS).
- Pastikan semua pekerja dan pelawat mengikut langkah-langkah biosekuriti yang telah ditetapkan.
- Dilarang bersentuhan secara langsung di antara babi ternakan dan babi hutan. Asingkan dan kuarantin babi yang baru masuk ke kawasan ladang.

... makanan dapur yang
... ng babi untuk

PROGRAM KESEDARAN DAN OPERASI KAWALAN PENULARAN WABAK AFRICAN SWINE FEVER (ASF)

Program kesedaran dan operasi kawalan penularan wabak ASF telah dilaksanakan di Limbang dan Lawas untuk memberi pendedahan kepada penduduk setempat serta penternak terutamanya mengenai penyakit ASF yang pertama dilaporkan di Kampung Ompungoi, Pitas, Kota Marudu, Sabah pada 8/2/2021 yang melibatkan sebanyak 212 ekor babi domestik. Sebanyak 78 ekor babi domestik pula dilaporkan positif di Kampung Patani, Pitas pada 10/2/2021 yang telah menyebabkan 30 % penurunan kadar permintaan. Pada 28/4/2021, wabak ASF ini telah diisytiharkan di lapan (8) daerah di Sabah iaitu Pitas, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Kota Marudu, Sandakan, Telupid dan Tongod.

Para penternak juga diberi penerangan berkenaan implikasi penyakit ASF terhadap ekonomi industri ternakan di Sarawak serta penekanan terhadap status bebas ASF yang telah dianugerahkan oleh *World Organisation for Animal Health (OIE)* kepada Sarawak pada 27/5/2004 bakal ditarik balik atau dilucutkan sekiranya penyakit ASF dilaporkan dalam ternakan babi di Sarawak. Status bebas ASF ini telah membolehkan Sarawak untuk mengeksport babi dan produk babi ke luar Sarawak selaku pengeksport babi di Asia Tenggara yang selanjutnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri.

Tanpa status bebas ASF ini, Sarawak harus bersedia untuk mengatur langkah pemulihan seperti *Compartmentalization* bagi membolehkan Sarawak untuk terus mengeksport babi atau produk babi ke luar dan mengekalkan ekonomi aktiviti import eksport di Sarawak dengan kawalan biosekuriti yang ketat dan mantap.

Oleh itu, kempen kesedaran perlu diadakan secara meluas untuk mendidik para penternak dan sebagai satu inisiatif untuk mengekalkan Sarawak sebagai sebuah negeri yang bebas dari penyakit ASF. Bahagian Limbang dijadikan sebagai zon penampungan untuk membendung penyebaran penyakit ini.




JANGAN LUPAKAN RABIES!

ETIOLOGI

Keluarga : *Rhabdoviridae* ; Genera : *Lyssavirus*

- Virus RNA terkepung tunggal, berbentuk peluru, replikasi dalam sitoplasma, stabil secara sederhana dalam persekitaran.



EPIDEMIOLOGI

Penyakit *Rabies* dilaporkan diseluruh dunia kecuali :

- Taiwan, Australia, New Zealand, Iceland, United Kingdom, Fiji, Hawaiian, Guam.
- Sebahagian besar negara Eropah Barat.




PENULARAN

1. Virus dalam air liur
2. *Aerosol*
3. Pengambilan susu atau tisu
4. Pemindahan kornea atau organ manusia

HAIWAN PEMBAWA / PERUMAH

1. Semua haiwan berdarah panas.
2. Haiwan pembawa utama : anjing, haiwan karnivor liar, kelawar.
3. Sangat terdedah : lembu, anjing, kelawar, luwak.
4. Mudah terdedah : kucing, primat, bebiri, kuda.
5. Kurang terdedah : sebilangan kecil spesies burung (percubaan, subklinikal).




LANGKAH - LANGKAH PENCEGAHAN

Mengadakan kempen kesedaran untuk mendidik orang awam berkenaan dengan penyakit *rabies* dan kepentingan vaksin kepada anjing peliharaan. Mengadakan *mass vaccination*, vaksinasi kampung ke kampung, vaksinasi dari rumah ke rumah secara konsisten dan berkala untuk membendung penyebaran wabak *rabies* di Sarawak. Mengawal pembiakan anjing dan kucing liar di Sarawak. Tidak menggalakkan aktiviti pengimportan haiwan liar masuk ke Sarawak.



TANDA - TANDA KLINIKAL

1. Tempoh inkubasi terhadap manusia :
 - 6 bulan (90%) selepas terdedah.
 - Tempoh 6 tahun juga dilaporkan.
2. Tempoh inkubasi dalam kucing dan anjing :
 - 1 minggu sehingga 6 bulan tetapi lazimnya penyakit akan berkembang 1 atau 2 bulan setelah terdedah.
3. Semakin hampir jarak gigitan dengan kepala, maka semakin pendek tempoh inkubasi.
4. 3 fasa :
 - *Prodromal*
 - 2 hingga 3 hari
 - Demam
 - Menjilat dan menggigit kawasan gigitan
 - Perubahan tingkah laku
 - Letih, gelisah
 - Muntah
 - Lebih jinak dan manja
 - Pupil mata melebar
 - Tindak balas pupil menurun
 - *Excitatory / Furious*
 - Berlangsung selama 1 hingga 7 hari
 - Mudah marah
 - Cemas
 - Hiperestesia
 - Hipersalivasi
 - Penyuaran
 - Merayau - rayau
 - Agresif
 - *Pica*
 - *Ataxia*, sawan, tanda vestibular, gegaran otot
 - *Paralytic / Dumb*
 - 1 hingga 10 hari setelah tanda klinikal pertama
 - Kelumpuhan lembab
 - Lumpuh laring (perubahan suara)
 - Lumpuh faring (hipersalivasi)
 - Lumpuh otot muka (rahang jatuh)
 - Koma dan mati akibat kegagalan jantung dan kegagalan sistem pernafasan



DIAGNOSA



1. *Direct Fluorescent Antibody Test (DFA)* :
 - *Impression smears* dari tisu otak
2. Pengenalpastian genetik
 - *RT-PCR* : cecair tulang belakang, air liur, tisu otak
3. Inokulasi tikus
4. Kultur sel
5. ELISA



FAHAMI PENYAKIT:


AVIAN INFLUENZA

(PENYAKIT SELSEMA BURUNG)

ETIOLOGI

1. *Orthomyxovirus*

- *Genus Influenza Virus A*, virus RNA terkeping tunggal, pleomorfik, replikasi dalam nukelus, tidak stabil dalam persekitaran.



EPIDEMIOLOGI

- 2 jenis :
 - *Highly pathogenic AI (HPAI)*
 - *Low pathogenic AI (LPAI)*
- Hanya H5 dan H7 sahaja yang dikategorikan dalam HPAI sehingga sekarang dan sangat patogenik dalam unggas.
- H5 dan H7 boleh disebarkan dari unggas ke manusia dan menyebabkan kematian yang tinggi dalam kedua - dua spesies tersebut (Zhou et al, 1996, 1999).
- Kes Pertama Dilaporkan di Hong Kong (1997) :
 - Disebarkan oleh ayam kepada manusia.
 - 6 daripada 18 pesakit dilaporkan meninggal.
 - Analisis urutan manusia dari pengasingan H5N1 dan H9N2 menunjukkan bahawa semua ciri - ciri menggambarkan genetik penyusunan semula.
 - Tiada bukti jangkitan manusia antara manusia dilaporkan.
 - Pelupusan unggas berskala besar dilaksanakan dan program vaksinasi dimulakan.

PENULARAN

1. Babi sebagai perumah pertengahan
2. Najis
3. Oral
4. Aerosol
5. Hubungan langsung atau tidak langsung dengan burung air (perumah untuk kesemua virus AI dari 16 subjenis HA dan 9 subjenis NA).



TANDA - TANDA KLINIKAL

Tempoh inkubasi : 3 sehingga 5 hari.

Ringan : Bulu tidak teratur, produksi telur menurun.

Parah : Kematian mengejut, depresi, cirit birit, edema muka, kepala bengkak, kulit dan *comb* menjadi biru atau sianosis, cecair dari hidung yang tidak terkawal, mata berair, sinusitis, produksi telur menurun, penghasilan telur yang tidak sempurna.

DIAGNOSA

1. Kaji semula sejarah jangkitan
2. Tanda klinikal
3. Pengasingan virus (inokulasi telur)
4. Pengenalpastian virus (*HAHI*, *real time PCR*, *ELISA*)



LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN

1. Tiada rawatan berkesan atau efektif.
2. Mempraktikkan vaksinasi secara berkala dan mengikut rejim vaksinasi yang telah ditetapkan.
3. Melaksanakan sistem biosekuriti ladang yang mantap :
 - Menghapuskan unggas yang dijangkiti, kaedah pelupusan yang sesuai dan betul.
 - Proses pembersihan dan disinfeksi ladang yang teliti (premis, peralatan dan lain-lain).
 - Kuarantin ladang.
 - Menghapus atau memantau burung dalam lingkungan 3 hingga 5 km radius dari ladang yang dijangkiti.
4. Program survelan penyakit :
 - Pemantauan penyakit burung secara menyeluruh sama ada burung hidup atau mati.
 - Mengawal aktiviti yang melibatkan pergerakan unggas di sempadan negara.
5. Amalan kebersihan ladang yang baik.
6. Pakaian yang sesuai ketika mengendalikan burung :
 - Pelitup muka
 - Sarung tangan
 - Kasut but
 - Baju khas untuk operasi melibatkan burung
7. Kaedah pelupusan unggas yang betul.



HORSE HEALTH

COLDS & FLU

Your horse may have swollen neck glands and a bit of a fever. Inadequately maintained quarters and/or a poor diet predispose your horse to colds.

COUGH

If your stable or the bedding you use is dusty, this can cause a hacking cough. Coughing may also be caused by viruses or bacteria.



6 COMMON EQUINE AILMENTS

COLIC

Restlessness, rolling and an inability to get comfortable. Your horse may look at his stomach frequently and have difficulty urinating.

GASTRIC ULCER

Very painful erosions of the stomach lining. Ongoing pain may cause colic and rumbling in the stomach after eating.

DEGENERATIVE JOINT DISEASE

Wear and tear on the tissues of the joints. Very painful and may cause lameness.

LAMINITIS

Sore feet and tender footedness. Result of inflammation of the soft tissues inside the hooves.

PENYAKIT PADA KUDA

TANDA-TANDA PENGESANAN PENYAKIT KUDA

CIRI-CIRI KUDA SIHAT

- Mata bersinar
- Sentiasa bersedia dan aktif
- Cergas
- Tinggi selera makan
- Kulit berminyak
- Berpeluh bila ada latihan
- Najis lembut

CIRI-CIRI KUDA SAKIT

- Kondisi lemah
- Tiada selera makan
- Kepala tunduk
- Tidak aktif
- Mata tidak bersinar
- Kulit badan kering
- Badan tidak bermaya



1. TETANUS

Tetanus, also known as "lock-jaw", is caused by toxins produced by common bacterium found in soil. It enters the skin through open wounds. Initial symptoms include: Prolapsed third eyelid, Muscle stiffness, Flared nostrils, Rigidity.



2. ENCEPHALOMYELITIS

Encephalomyelitis, also called "sleeping sickness", is transmitted via mosquitoes that have bitten rodents or birds. Early symptoms may be mistaken for symptoms of a cold or flu: Loss of appetite, Depression, Fever.



3. WEST NILE VIRUS

West Nile Virus is another mosquito borne disease that is carried from birds and other animals to horses. The symptoms of this virus are similar to those of sleeping sickness, but the recovery rate is better.



4. RABIES

Rabies is transmitted through bodily fluids such as blood and saliva, transmitted usually by a bite from a rabid animal. The virus affects the central nervous system. It is 100% fatal.



5. EQUINE HERPESVIRUS / RHINOPNEUMONITIS (EHV)

Two different viruses (EHV-1 and EHV-4) that cause two separate respiratory diseases, which are both called rhinopneumonitis. The symptoms of both viruses are similar and include: Loss of appetite, Nasal discharge, Coughing, Lethargy, Fever.



6. INFLUENZA

Influenza is an airborne virus that is very common, especially among horses that are frequently exposed to others. Consistent care can help keep a horse's immune system strong to resist colds and flu.



7. STRANGLES

Strangles is a very contagious bacterial infection transmitted by bodily fluids. The bacteria remain alive for a long time on surfaces such as stall walls, fence railings, etc. It is not usually fatal, but it causes painful and troublesome symptoms.



8. POTOMAC HORSE FEVER

This is a form of severe colitis caused by bacterial spores that are commonly found in pastures along creeks and riversides. This seasonal illness can cause: Fever, Diarrhea, Mild colic, Miscarriage.

EQUINE INFLUENZA

PENYEBAB	• Myxovirus (Orthomyxovirus)
CARA JANGKITAN	• Nasal droplet (secara langsung / tidak)
TANDA KLINIKAL	• Batuk • <i>Muco-purulent nasal discharge</i> • Bronkitis • Pneumonia
PENCEGAHAN	• Rawatan berjadual • Vaksin E. I. • Kawal kemasukan kuda baru

JAPANESE ENCEPHALITIS

PENYEBAB	• Arbovirus (Genus <i>Flavivirus</i>)
CARA JANGKITAN	• Nyamuk
TANDA KLINIKAL	• Murung, lemah untuk bergerak, <i>nystagmus</i>, sawan
PENCEGAHAN	• Rawatan berjadual • Vaksin J. E. • Kawalan nyamuk

EQUINE TETANUS

PENYEBAB	• <i>Clostridium tetani</i> (exotoxin)
CARA JANGKITAN	• Luka dan kecederaan (anaerobik)
TANDA KLINIKAL	• Kaku • Kekejangan otot • Sukar mengunyah
